



**MALAYSIA
MADANI**

Buletin

JABATAN LAUT MALAYSIA

Edisi Disember 2023

*Malaysia Dipilih Semula Sebagai ahli Majlis IMO Bagi Kategori C
Amalan Kesihatan & Keselamatan Diri Semasa Banjir
COVID-19 Kekal berada dengan Kita
Pangkalan Data Utama (PADU)*



JabatanLautMalaysia




@lautmy



jabatanlaut

SIRI 1: PERBINCANGAN BERHUBUNG PELAKSANAAN P&I INSURANS DI MALAYSIA DAN TAKLIMAT PELESENAN PERKAPALAN DALAM NEGERI PERINGKAT WILAYAH UTARA

1 Disember 2023 - Wakil dari Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT), Jabatan Laut Malaysia (JLM) dan P&I Malaysia Sdn. Bhd. telah mengadakan perbincangan bersama pegawai dan kakitangan JLM Wilayah Utara termasuk wakil dari semua pejabat pelabuhan berhubung pelaksanaan P&I Insurans di Malaysia dan pelesenan perkapalan dalam negeri. Perbincangan menjurus kepada isu-isu berkaitan pelaksanaan P&I Insurans dan pelesenan perkapalan di peringkat wilayah utara serta cadangan penambahbaikan bagi memastikan peraturan yang ditetapkan di bawah perundangan berkaitan dapat dilaksanakan dengan lebih efektif dan seragam.



JABATAN LAUT MALAYSIA LENGKAPKAN ALAT BANTUAN PELAYARAN (ABP) DENGAN *REMOTE MONITORING SYSTEM* (RMS)

1 Disember 2023 - Muhammad Aizzat Fiqhi bin Roslan, pegawai kanan Ketua Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran (BPTBP) JLM Wilayah Utara mengetuai pasukan beliau menjalankan pemantauan waktu malam bagi mengesahkan kebolehpercayaan dan integriti data yang diterima daripada *Remote Monitoring System* (RMS). Situasi ribut petir di laut dengan intensiti hujan lebat melebihi 20 mm/jam untuk jangkamasa melebihi 1 jam menyebabkan penggunaan RMS ini dapat memberi maklumat am ABP seperti status ketersediaan, posisi, keadaan *voltage* bateri solar tanpa memerlukan petugas BPTBP berada secara fizikal di lokasi yang sedang mengalami cuaca buruk di atas.

MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN

THE ENHANCED VTS OPERATOR TRAINING FOR ASEAN FASA 4

1 Disember 2023 – Jabatan Laut Malaysia melalui Institut Latihan Pengangkutan Laut (MATRAIN) telah mengadakan Majlis Perasmian Penutupan *The Enhanced VTS Operator Training for ASEAN* fasa 4. Majlis ini diadakan bagi meraikan peserta-peserta kursus ini yang telah mengharungi kursus ini dan telah lulus dengan jayanya. Kursus ini telah berlangsung selama sebulan bermula dari 30 November hingga 1 Disember 2023.

Kursus ini dianjurkan oleh MATRAIN dengan kerjasama oleh pihak *Japan Aids to Navigation Association* (JANA) yang didanai oleh *Japan ASEAN Integrated Fund* (JAIF) dan Lembaga Dius Api (LDA). Penyertaan kursus ini terdiri daripada peserta dari negara ASEAN yang telah menduduki penilaian atas talian dan lulus untuk menghadiri kursus ini secara bersemuka. Tenaga Pengajar terdiri daripada pensyarah yang berpengalaman luas dalam bidang *Vessel Traffic Services* (VTS).

Majlis ini dihadiri oleh Encik Morioka Hiroshi, Setiausaha Pertama dari Pejabat Kedutaan Jepun, Encik Tsugo Awai, Laksamana Pertama Japan Coast Guard (JCG), Encik Bianus bin Muyou, wakil Kementerian Pengangkutan Malaysia, Encik Nordin bin Mohamadin, Timbalan Ketua Pengarah Laut (Perancangan) Jabatan Laut Malaysia, Puan Rahayu bin Rajali, Pengarah MATRAIN, Encik Norjipin bin Saidi, Pengarah Bahagian Keselamatan Sekuriti & Alam Sekitar (BKSAS) dan turut disertai oleh Encik Tamotsu Ikeda, Pengarah dari JANA dan Encik Tom Southall, Pegawai Teknikal *International Association of Marine Aids to Navigation and Lighthouse Authorities* (IALA).

Turut hadir Prof. Tamaru Hitoi dan Encik Raj selaku tenaga Pengajar bagi kursus ini. Majlis telah dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Ahmad Syahiran, ucapan penutup oleh Encik Nordin dan diteruskan dengan ucapan daripada Encik Tsugo Awai dan Encik Tom Southall. Penyampaian sijil telah disempurnakan oleh Encik Nordin diiringi Encik Tomatsu Ikeda dan Puan Rahayu.

Malaysia berbangga kerana salah seorang peserta dari Malaysia iaitu Encik Amy Norsyafiq Abdullah telah menerima anugerah Pelajar Terbaik bagi kursus ini. Beliau telah memperolehi markah tertinggi daripada semua peserta kursus yang terdiri dari negara ASEAN. Anugerah ini telah disampaikan oleh wakil IALA iaitu Encik Tom Southall. Sekalung tahniah kepada beliau kerana telah mengharumkan nama Malaysia dan anugerah ini membuktikan Malaysia mampu melahirkan operator VTS yang terbaik di Asia Tenggara. Semoga dengan anugerah ini dapat membakar semangat operator-operator VTS di JLM untuk berusaha keras bagi mendapatkan anugerah yang sama pada tahun hadapan.

Sekalung penghargaan juga ditujukan kepada pihak JAIF kerana telah menaja peserta-peserta ASEAN untuk menghadiri kursus ini. Pelaksanaan kursus ini membuktikan kerjasama dan hubungan yang erat antara Kerajaan Jepun dan negara-negara ASEAN. Diharap kerjasama ini akan berterusan demi kebaikan negara-negara ASEAN dan Jepun.



MALAYSIA DIPILIH SEMULA SEBAGAI AHLI MAJLIS PERTUBUHAN MARITIM ANTARABANGSA (IMO) BAGI KATEGORI C UNTUK PENGGAL KE-10 BERTURUT-TURUT



2 Disember 2023 – Encik Ki Tack Lim, Setiausaha Agung Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO) telah menghadiri Majlis Resepsi Malaysia yang dihoskan oleh Yang Berhormat Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan Malaysia di Pejabat Suruhanjaya Tinggi Malaysia, London. Turut hadir pada majlis ini adalah Yang Berusaha Kapten Mohamad Halim bin Ahmed, Ketua Pengarah Laut, Jabatan Laut Malaysia (JLM).

Dengan 134 undi daripada keseluruhan 166 undian dalam Perhimpunan Agung IMO yang ke-33, Malaysia yang menduduki tangga ke-10 daripada 20 kerusi telah berjaya dipilih semula sebagai Ahli Majlis Pertubuhan Maritim Antarabangsa (Kategori C) bagi tahun 2024-2025 untuk penggal ke-10 berturut-turut sejak 2005.

Sebagai Ahli Majlis IMO, Malaysia komited untuk membangunkan modal insan dan meningkatkan keupayaan untuk negara-negara anggota IMO yang lain, terutamanya *Small Island Developing States (SIDs) and Least Developed Countries (LDCs)*. Di samping itu, Malaysia akan menyokong secara aktif agenda kesaksamaan jantina untuk negara anggota IMO di rantau Asia Pasifik. Malaysia juga komited untuk terus bekerjasama dengan IMO dan Negara Ahli bagi menggalakkan perkapalan yang efisien, selamat dan mampan di seluruh dunia.

JABATAN LAUT MALAYSIA FOKUS PEMBANGUNAN PELAUT SELARAS DENGAN KEPERLUAN INDUSTRI BERDASARKAN KEPADA PERUNDANGAN NASIONAL DAN ANTABANGSA



1 Disember 2023 – Kapten Abdul Samad bin Shaik Osman, Timbalan Ketua Pengarah Laut (Operasi) disertai En. Muhammad Shuhaimi bin Abd Rahman, Timbalan Pengarah Laut Wilayah Utara (Pengurusan) dan petugas Pejabat Laut Negeri Pulau Pinang membuat tinjauan aktiviti penambakan pasir bagi Projek Pulau Pinang Selatan (PSI). Pulau A yang dinamakan sebagai Pulau Silikon berkeluasan 930.8 hektar dijangkakan mengambil masa 10 sehingga 15 tahun untuk disiapkan. Pn. Fajinah binti Jaafar yang berkhidmat sebagai nakhoda bot di Projek Pulau Pinang Selatan (PSI) adalah pemegang perakuan kekompetenan *Mate of less than 500GT Domestic Trade* yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut Malaysia yang telah berjaya membangunkan dan menaikkan sosio-ekonomi diri daripada seorang nelayan tradisional kepada nakhoda bot yang memegang perakuan kekompetenan yang diiktiraf nasional selaras dengan objektif JLM.

MALAYSIA DIPILIH SEMULA AHLI MAJLIS PERTUBUHAN MARITIM ANTARABANGSA

3 Disember 2023 – Petugas Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran (BPTBP) JLM Wilayah Timur komited melaksana pemeriksaan mengesahkan ketersediaan alat bantuan pelayaran di perairan Pulau Tioman, Pahang sejurus sebelum MetMalaysia mengeluarkan Amaran Hujan Berterusan pada tahap buruk dan waspada yang melibatkan negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, Kedah dan Perak. Pada 1 Disember 2023, Malaysia dipilih semula sebagai Ahli Majlis Pertubuhan Maritim Antarabangsa (*International Maritime Organization-IMO*) Kategori C untuk penggal 2024-2025, sekaligus menjadi kemenangan Malaysia buat penggal ke-10 berturut – turut dan YB Anthony Loke, Menteri Pengangkutan Malaysia berkata kemenangan dipilih semula sebagai Ahli Majlis IMO ini juga adalah hasil kerjasama terbaik Kementerian Luar, Jabatan Laut Malaysia, lembaga – lembaga pelabuhan serta wakil – wakil industri dan persatuan berkaitan marin.



RANCANGAN THAILAND BINA JAMBATAN DARAT PINTAS SELAT MELAKA - MALAYSIA PERLU TINGKATKAN DAYA SAING DAN PRODUKTIVITI PELABUHAN



3 Disember 2023 – Mohd Hafiz bin Abdul Majid, Pengarah Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran (BPTBP) menerima taklimat dari Mohd Rusly bin Tamsir, Pengurus Besar Perkhidmatan Marin dan Terminal, Lumut Maritime Terminal Sdn Bhd, Perak mengenai perkembangan projek Lumut Maritime Terminal 2 (LMT2) seluas 115 ekar yang fokus kepada pengendalian kargo pukal bersih seperti bijirin, kacang dan gula. Pada 22 November 2023, YB Anthony Loke, Menteri Pengangkutan Malaysia ketika mengulas mengenai rancangan Thailand membina jambatan darat memintas Selat Melaka berpendapat Malaysia perlu tingkatkan daya saing dan produktiviti pelabuhan serta telah membangunkan projek infrastruktur *East Coast Rail Link* (ECRL) yang dijangka siap pada 2027 untuk hubungkan Selat Melaka dan Laut China Selatan dalam mempertingkatkan keupayaan Malaysia sebagai pusat logistik serantau.

ENAM ACARA EKOPELANCONGAN LAUT DIATUR SEPANJANG TAHUN MELAWAT PERAK 2024

3 Disember 2023 – Petugas Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran (BPTBP) JLM Wilayah Utara giat laksana senggaraan ke atas tandarah suar di Had Pelabuhan Lumut serta Had Pelabuhan Bagan Datuk, Perak sebelum memasuki Tahun Melawat Perak 2024 tidak lama lagi. *Tourism Malaysia Perak* telah mengatur 6 acara ekopelancongan laut sepanjang tempoh tersebut seperti Pesta Teluk Batik (Mac), Festival Pangkor (Julai) dan Pesta Laut Pangkor Lumut 2024 (Disember) dengan tema *Promising Perak* dan menjadi asas kepada Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2025.



KUNJUNGAN PENGARAH BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERKAPALAN DAN PELAUT, JABATAN LAUT MALAYSIA KE ATAS KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF TECHNOLOGY DEPOSITORY AGENCY

3 Disember 2023 – Ts. Dr. Julyus Melvin Mobilik, Pengarah Bahagian Pembangunan Perkapalan dan Pelaut, Jabatan Laut Malaysia (JLM) telah membuat kunjungan hormat ke atas Ketua Pegawai Eksekutif *Technology Depository Agency* (TDA), Dr Sharoul Jambari, untuk membincangkan mengenai masa depan pembangunan bakat pelaut di Malaysia, yang merupakan pemain utama dalam industri maritim dan perdagangan global.

MONACO, MALAYSIA BOLEH TEROKA GUNA MINYAK SAWIT BIOFUEL DALAM INDUSTRI KAPAL LAYAR

3 Disember 2023 – Ahmad Mustaqim bin Abdul Rahim dan Mohd Khairul Azhar bin Yacob bersama pasukan Pemeriksa Kapal masing-masing laksana pemeriksaan aspek keselamatan ke atas kapal layar SEA E O dan PETRUS OF LONDON berpendaftaran *Langkawi International Yacht Registry* (LIYR) yang memohon untuk beroperasi membawa pelancong dalam aktiviti sunset cruise dalam Had Pelabuhan Langkawi. Pada 3 Disember 2023 (Ahad), Olivier Wenden, Ketua Pegawai Eksekutif Prince Albert II of Monaco Foundation menyatakan Monaco dan Malaysia harus meneroka peluang menggunakan minyak sawit biofuel dalam industri marin rekreasi dan penggunaan biofuel generasi kedua seperti minyak sayuran rawatan hidro (HVO) daripada efluen kilang minyak sawit sebagai cara untuk menyahkarbon industri kapal layar mewah boleh menjadi sangat menarik kepada pengeluar minyak sawit utama seperti Malaysia.



AMARAN HUJAN BERTERUSAN (WASPADA) DI KELANTAN, TERENGGANU DAN PAHANG

4 Disember 2023 – Mohd Hafiz bin Abdul Majid, Pengarah Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran (BPTBP) menerima taklimat dari Nor Bahirah binti Muhd Razali, Ketua BPTBP Wilayah Timur mengenai ketersediaan alat bantuan pelayaran semasa hujan lebat berterusan dan ribut petir yang dijangka berlaku di Negeri Kelantan (Tumpat, Pasir Mas, Kota Bharu, Bachok, Machang dan Pasir Putih, keseluruhan Negeri Terengganu serta Negeri Pahang (Kuantan dan Pekan) dalam tempoh Rabu hingga Jumaat (6 - 8 Disember 2023). Pihak International Maritime Organization (IMO) telah mengkhususkan GMDSS NAVTEX (Navigational Telex) sebagai kaedah primer untuk sebarluas maklumat keselamatan marin seperti keadaan cuaca buruk sebegini dan masyarakat perkapalan dinasihatkan supaya sentiasa merujuk siaran NAVTEX yang dikeluarkan oleh JLM untuk maklumat terkini dan sahih.





SIRI 2: PERBINCANGAN PELAKSANAAN P&I INSURANS DI MALAYSIA DAN TAKLIMAT PELESENAN PERKAPALAN DALAM NEGERI DI PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

5 Disember 2023 - Lanjutan dari Siri 1 yang telah dilaksanakan di Jabatan Laut Wilayah Utara, wakil dari Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT), Jabatan Laut Malaysia (JLM) dan P&I Malaysia Sdn Bhd telah mengadakan perbincangan lanjut bersama pegawai dan kakitangan JLM Wilayah Persekutuan Labuan termasuk wakil dari semua bahagian berhubung pelaksanaan P&I Insurans di Malaysia dan pelesenan perkapalan dalam negeri. Perbincangan menjurus kepada isu-isu berkaitan pelaksanaan P&I Insurans dan pelesenan perkapalan di peringkat wilayah persekutuan Labuan termasuk *Malaysia International Ship Registry (MISR)* serta cadangan penambahbaikan bagi memastikan peraturan yang ditetapkan di bawah perundangan berkaitan dapat dilaksanakan dengan lebih efektif dan seragam.

AHLI MAJLIS IMO 2024 - 2025 : MALAYSIA KOMITED BANGUNKAN MODAL INSAN DAN TINGKATKAN KEUPAYAAN *SMALL ISLAND DEVELOPING STATES (SIDS)* DAN *LEAST DEVELOPED COUNTRIES (LDCS)*

5 Disember 2023 - Siti Umainah binti Abd Aziz, pegawai kanan Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran (BPTBP) bersama Syazwi bin Asli, pegawai kanan Bahagian Pengurusan Fasiliti, Aset dan Stor fokus mendalami kaedah pengambilan data AIS ke dalam *IALA Waterway Risk Assessment Program (IWRAP)* secara *Artificial Intelligence* semasa kursus *IALA Risk Management Tools* anjuran *IALA World Wide Academy* yang mampu membantu melajukan lagi proses sedia ada untuk mengira kebarangkalian kapal melanggar kapal lain yang sedang belayar atau sedang pegun serta insiden kapal kandas. Sebagai Ahli Majlis IMO yang dipilih semula bagi tahun 2024-2025 untuk penggal ke-10 berturut-turut sejak 2005, Malaysia komited membangunkan modal insan dan meningkatkan keupayaan Negara Anggota IMO yang lain, terutamanya Negara - Negara SIDs dan LDCs.



PEGAWAI KANAN JLM DILANTIK PANEL PENILAI PROFESIONAL LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA (MBOT)

6 Disember 2023 – Mohd Hafiz bin Abdul Majid, Pengarah Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran (BPTBP) bersama Timbalan beliau Mohd Hisham bin Rubani mengucapkan setinggi tahniah kepada pegawai kanan BPTBP Ts. Muhammad Fadhli bin Makhtar atas kejayaan beliau mengharumkan nama JLM dilantik sebagai Panel Penilai Profesional MBOT sehingga 31 Ogos 2025. Salah satu tanggung jawab Muhammad Fadhli adalah mengesyorkan kelulusan penilaian profesional bagi Teknologis Profesional dan Juruteknik Bertauliah kepada Jawatankuasa Peperiksaan dan Penilaian serta lantikan ini adalah di bawah peruntukan Seksyen 6 (2) (h) Akta Teknologis dan Juruteknik (Akta 768). Setinggi – tinggi tahniah kepada Muhammad Fadhli.



PENGECUALIAN VISA - PELANCONG BERTAMBAH, JLM GIAT PERSEDIAAN

6 Disember 2023 – Pasukan Pemeriksa Bot Ketua Pejabat Laut Langkawi, JLM Wilayah Utara giat laksana pemeriksaan aspek keselamatan untuk mengeluarkan sijil statutori Lesen Bot kepada pengusaha bot membawa penumpang kurang dari 12 orang di Langkawi Bandaraya Pelancongan sebagai persediaan menerima lebih ramai pelancong di pulau peranginan terkemuka Negara tersebut. Terdapat peningkatan ketibaan pelancong asing di seluruh Negara sejak beberapa hari lepas berikutan langkah Kerajaan mengecualikan visa selama 30 hari untuk pelawat dari China dan India mulai 1 Disember 2023 lepas dan pada 5 Disember 2023, YB Anthony Loke Menteri Pengangkutan Malaysia berkata kemasukan pelancong luar negara ke Malaysia dijangka terus meningkat menjelang tahun hadapan dan peluang ini perlu direbut oleh semua pihak terlibat.



NASIONAL ISPS SEMINAR 2023

7 Disember 2023 - Jabatan Laut Malaysia selaku *Designated Authority* (DA) dengan kolaborasi bersama Institut Maritim Malaysia (MIMA) telah dengan jayanya menganjurkan Nasional ISPS Seminar 2023 bertempat di Zenith Hotel, Putrajaya. Seminar ini telah rasmi oleh Timbalan Ketua Pengarah Operasi, Jabatan Laut Malaysia selaku wakil DA dan Pengerusi Institut Maritim Malaysia (MIMA).



Seramai 170 peserta telah menghadiri seminar ini, terdiri daripada *Marine Transport Security Officers* (MTSO), *Marine Facility Security Officers* (MFSO), *Company Security Officer* (CSO), dan *Recognized Security Organizations* (RSO) yang terlibat dengan keselamatan pelabuhan di Malaysia di bawah Kod ISPS. Seramai 10 penceramah dari pelbagai agensi telah memberi pendedahan berhubung teknologi baharu didalam bidang keselamatan dan ancaman baharu terhadap keselamatan di pelabuhan.

Nasional ISPS Seminar 2023, yang julung kali diadakan bagi mematuhi Kod ISPS di bawah Bahagian B Seksyen 18.6, berfungsi sebagai platform penting bagi memastikan pelaksanaan Kod ISPS di setiap pelabuhan di Malaysia yang merupakan salah satu pintu masuk utama ke negara kita tercapai.

MAJLIS SAMBUTAN MAULIDURRASUL 2023M/1445H DENGAN KERJASAMA LEMBAGA PELABUHAN JOHOR DAN PELABUHAN TANJUNG PELEPAS



7 Disember 2023 - Sambutan Majlis Maulidurrasul bermula dengan perarakan diiringi dengan paluan jidor dan kompong menyaksikan seramai 250 orang peserta pelbagai agensi termasuklah penyertaan sulung daripada Ahli Majlis Zon 10 Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Ketua-Ketua Kampung para Imam masjid-masjid berhampiran Kompleks JLM Wilayah Selatan.

Alunan bacaan berzanji diselang-selikan dengan alunan kompong sedikit sebanyak memberikan kelainan dalam sambutan yang julung-julung kalinya disertai oleh Lembaga Pelabuhan Johor dan Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn Bhd. Pelbagai aktiviti sampingan seperti pertandingan azan, hafazan ayat AlQuran serta pertandingan memasak telah diadakan yang disertai oleh Pegawai dan kakitangan Jabatan termasuklah penduduk kuarters Jabatan.

Hadir sama dalam majlis tersebut ialah Tuan Haji Dickson Dollah, Pengarah Laut Wilayah Selatan, Timbalannya merangkap Pengerusi Surau As- Sakinah Tuan Khairil Azizie bin Che Mat, wakil rasmi Tuan Haji Rosnan bin Fathlil, Pengerusi Lembaga Pelabuhan Johor dan wakil rasmi Tuan Muhammad Abdullah Hatta, Ketua Pegawai Kewangan Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn. Bhd.



NVIDIA LIHAT MALAYSIA MILIKI SUMBER, KEMAMPUAN DAN SETUJU BANGUNKAN HUB ARTIFICIAL INTELLIGENCE (AI)

9 Disember 2023 – Mohd Azrul bin Abu Bakar bersama Ts. Muhammad Fadhli bin Makhtar, pegawai – pegawai kanan Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran (BPTBP) menyertai peserta kursus *The Enhanced VTS Operator Training for ASEAN* fasa 4 anjuran MATRAIN dengan kerjasama *Japan Aids to Navigation Association* (JANA) dengan dana Lembaga Dius Api (LDA) dan *Japan ASEAN Integrated Fund* (JAIF) meneliti sistem sokongan membuat keputusan mengendalikan situasi trafik vesel di VTS MPA Singapore hujung November 2023. Pada 8 Disember 2023, NVIDIA Corporation, sebuah syarikat teknologi multinasional dan perintis dalam pengkomputeran dipercepatkan, telah menyatakan kesediaan untuk menyokong hasrat Malaysia menjadi 20 negara teratas terkait AI dan bersetuju membantu membangunkan ekosistem AI di Malaysia menerusi sokongan dalam pembinaan pusat kecemerlangan bagi memudahkan pembelajaran dan penyelidikan AI, selain pewujudan sistem awan AI Malaysia sendiri.

AHLI MAJLIS IMO 2024 - 2025: JABATAN LAUT MALAYSIA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA MR. KITACK LIM

8 Disember 2023 – Jabatan Laut Malaysia (JLM) telah diwakili oleh Ketua Pengarah Laut, Kapten Mohamad Halim Bin Ahmed di Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO). Pada tahun ini turut menyaksikan persaraan Mr. Kitack Lim sebagai Setiausaha Agung, IMO.

Mr. Kitack Lim yang menguruskan Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO) bagi mencapai maritim sedunia yang selamat selama lapan tahun dipuji secara meluas kerana sikap kemanusiaan dan ketabahnannya dalam menyatukan orang ramai untuk menyelesaikan masalah maritim dengan jayanya.

Kejayaan Mr. Kitack Lim dipuji oleh semua pihak dan negara yang hadir. Pihak Jabatan Laut Malaysia juga mengucapkan terima kasih kepada Mr. Kitack Lim atas kerjasama dan jasanya serta turut mengucapkan selamat bertugas kepada Mr Arsenio Dominguez Velasco atas pelantikannya sebagai *Secretary General* IMO yang baharu.



SIRI 3: PERBINCANGAN BERHUBUNG PELAKSANAAN P&I INSURANS DI MALAYSIA DAN TAKLIMAT PELESENAN PERKAPALAN DALAM NEGERI DI PERINGKAT WILAYAH SELATAN

10 Disember 2023 – Lanjutan dari Siri 1 dan 2 masing-masing telah dilaksanakan di Jabatan Laut Wilayah Utara dan Persekutuan Labuan, wakil dari Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT), Jabatan Laut Malaysia (JLM) dan P&I Malaysia Sdn Bhd telah mengadakan perbincangan lanjut bersama pegawai dan kakitangan JLM Wilayah Selatan termasuk wakil dari semua bahagian dan pejabat pelabuhan berhubung pelaksanaan P&I Insurans di Malaysia dan pelesenan perkapalan dalam negeri. Perbincangan menjurus kepada isu-isu berkaitan pelaksanaan P&I Insurans dan pelesenan perkapalan di peringkat wilayah Selatan termasuk Bot Berlesen serta cadangan penambahbaikan bagi memastikan peraturan yang ditetapkan di bawah perundangan berkaitan dapat dilaksanakan dengan lebih efektif dan seragam.



JABATAN LAUT MALAYSIA TEKAD TERUSKAN PRESTASI CEMERLANG KE TAHUN 2024

11 Disember 2023 – Mohd Azrul bin Abu Bakar dan Nurul Suhana binti Sulaiman, pegawai kanan Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran (BPTBP) bersama – sama pegawai JLM yang lain menjalani latihan semula *e-navigation* yang memerlukan pertukaran maklumat dalam format digital yang harmoni antara kapal dan daratan sebagai satu usaha berterusan meningkatkan kualiti perkhidmatan maritim yang ditawarkan JLM. Pada 11 Disember 2023, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu prestasi cemerlang penjawat awam seperti JLM diteruskan ke tahun hadapan dengan menerapkan nilai – nilai baik dalam pentadbiran dan tidak mengamalkan budaya terlalu selesa, sebaliknya sentiasa memperbaiki diri dan mencari ikhtiar meningkatkan produktiviti, serta mengelak dari kelemahan dan kekurangan.



KEUTAMAAN SELESAIKAN ISU KEMUDAHAN ASAS, BUKAN MEMBINA JAMBATAN LABUAN - SABAH - PM ANWAR

11 Disember 2023 - Mohd Hisham bin Rubani, Timbalan Pengarah Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran (BPTBP) menerima taklimat dari Ahmad Zawawi bin Saharuddin, Timbalan Pengarah Laut Wilayah Persekutuan Labuan mengenai keupayaan BPTBP Wilayah Labuan memastikan ketersediaan alat bantuan pelayaran di seluruh perairan Wilayah tersebut termasuk laluan pelayaran feri RORO ke Menumbok, Sabah. Pada 7 Disember 2023 (Khamis), YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia telah menyatakan cadangan membina jambatan bernilai RM 6 billion menghubungkan Labuan dengan tanah besar Sabah masih belum menjadi keutamaan Kerajaan Persekutuan pada masa ini dan ianya boleh ditangguh supaya Kerajaan fokus menyelesaikan isu kemudahan asas keperluan rakyat seperti bekalan air bersih terlebih dahulu.



PEMASANGAN LANDASAN PROJEK LALUAN REL PANTAI TIMUR (EAST COAST RAIL LINE - ECRL) BERMULA DI STESEN BANDAR PELABUHAN KUANTAN, PAHANG

12 Disember 2023 - Petugas Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran (BPTBP) JLM Wilayah Timur giat menjalankan pemeriksaan dan senggaraan alat bantuan pelayaran di dalam Had Pelabuhan Kuantan, Pahang bagi menjamin tahap ketersediaan tinggi peralatan tersebut dalam memastikan kapal - kapal dagang dapat memasuki Pelabuhan dengan lancar dan selamat. Tapak Stesen Bandar Pelabuhan Kuantan, Seksyen 10, Gebeng menjadi lokasi pertama kerja pemasangan landasan ECRL sepanjang 94 kilometer (km) bermula 11 Disember 2023 memandangkan material pembinaan yang digunakan termasuk lokomotif diesel buatan CRRC Ziyang, China bagi melancarkan proses pemasangan, dibawa ke Malaysia melalui kapal kargo yang masuk berlabuh di Pelabuhan Kuantan.




MESYUARAT 3RD EXPERT GROUP MEETING BERSAMA ASEAN DAN JAPAN AIDS TO NAVIGATION ASSOCIATION (JANA)

12 Disember 2023 – Jabatan Laut Malaysia (JLM) melalui Institut Latihan Pengangkutan Laut (MATRAIN) telah mengadakan Mesyuarat “*Expert Group Meeting*” buat kali ketiga bagi membentangkan pelaksanaan “*The Enhanced VTS Operator Training Project For ASEAN (Phase 4)*”. Mesyuarat ini diadakan secara Tele-sidang dan telah dipengerusikan oleh YBrs. Encik Nordin bin Mohamadin, Timbalan Ketua Pengarah Laut (Perancangan) JLM. Turut hadir bersama Tuan Haji Mohd Hafiz bin Abdul Majid, Pengarah Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran (BPTBP), Puan Rahayu binti Rajali, Pengarah MATRAIN, Encik Mohd Hisham Bin Rubani, Ketua Penolong Pengarah Kanan BPTBP, Encik Mohd Azrul Bin Abu Bakar, Penolong Pengarah Kanan BPTBP dan pegawai-pegawai dari Bahagian Pembangunan Profesional (Fungsional) MATRAIN.

Mesyuarat turut dihadiri oleh wakil-wakil negara ASEAN yang terdiri daripada negara Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam. Bagi wakil Jepun diwakili oleh Encik Yukimatsu Syunsuke, Pembantu Khas Pengarah, Japan Coast Guard (JCG), Encik Tomatsu Ikeda, Ketua Pengarah Eksekutif *Japan Aids to Navigation Association* (JANA), Encik Goro Tsukakoshi, Encik Noda Masami dan Encik Kaneko Osamu. Pihak *International Association of Marine Aids to Navigation and Lighthouse Authorities (IALA)* turut menghantar wakil iaitu Encik Omar Frits Eriksson, Timbalan setiausaha Agung & Dekan, IALA World-Wide Academy dan Encik Tom Southall, Pegawai Teknikal IALA. Mesyuarat ini merupakan kesinambungan dari mesyuarat sebelum ini yang diadakan bersama pihak Jepun dan juga ASEAN bagi membentangkan projek yang telah diadakan bagi tahun semasa dan perancangan bagi tahun berikutnya.

Mesyuarat ini dimulakan dengan ucapan pembukaan oleh Encik Nordin bin Mohamadin dan diteruskan dengan pembentangan oleh pihak JANA berkaitan pelaksanaan kursus “*The Enhance VTS Operator Training Project for ASEAN (Phase 4)*”. Mesyuarat diteruskan lagi dengan pembentangan cadangan pelaksanaan kursus bagi fasa 5 oleh pihak JCG.

Usai selesai pembentangan, Pengerusi mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program latihan ini dan berharap semua warga VTS dapat menjalankan tugas mereka dengan bersungguh-sungguh untuk memastikan pelayaran maritim di rantau ini selamat, terjamin dan cekap.



JABATAN LAUT MALAYSIA MENYAMBUT BAIK USAHA PERKHIDMATAN MARINE ADVISOR DI SELAT MELAKA SELARAS DENGAN USAHA JLM UNTUK MENJAGA DAN MENINGKATKAN TAHAP KESELAMATAN PELAYARAN DI PERAIRAN MALAYSIA TERUTAMA DI SELAT MELAKA



13 Disember 2023 - Pihak Jabatan Laut Malaysia (JLM) menyambut baik usaha antara pihak kerajaan dan swasta memberikan perkhidmatan Marine Advisor (MA) di perairan Selat Melaka dalam Majlis *Flag-Off Marine Advisor*. Pihak JLM diwakili oleh Kapten Nazri Bin Abu Hassan (Pengarah Bahagian Keselamatan Pelayaran & Komunikasi Maritim), En Hairizam bin Albukhari (Pengarah Laut Wilayah Tengah), Tuan Haji Mohd Hafiz Bin Abdul Majid (Pengarah Pengurusan Trafik & Bantuan Pelayaran), dan juga delegasi JLM yang lain. Seterusnya, wakil daripada pihak MISC Maritime Services Sdn Bhd (MMSSB) diwakili oleh Kapten Muhammad assuad Ahmad (Head Port & Terminal Management) dari MMS beserta pegawai-pegawainya.

Pada awalnya, inisiatif untuk menubuhkan Garis Panduan bagi Perkhidmatan Pemaliman Sukarela di Selat Melaka dan Singapura (*Guidelines on Voluntary Pilotage in the Straits of Malacca and Singapore*) telah dimulakan oleh Malaysia melalui Mesyuarat Kumpulan Kerja Teknikal Tiga Negara Pesisir (*Tripartite Technical Expert Group [TTEG]*) Selat Melaka dan Singapura iaitu Indonesia, Malaysia dan Singapura yang ke-33 pada tahun 2008.

Negara-Negara Pesisir Selat Melaka dan Singapura bersetuju memberi panduan kepada nakhoda kapal ketika melalui Selat Melaka dan Singapura kerana laluan di kawasan ini adalah sempit dan cetek.

Ini adalah terbukti menerusi Peraturan Navigasi Melalui Selat Melaka dan Singapura melalui Annex V Resolution A.375 (X) Perhimpunan Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO) yang diterima pakai pada 14 November 1977 dan sebagaimana yang dipinda oleh Resolution A.476 (XII) Perhimpunan yang digunapakai pada 19 November 1981 dan Peraturan Perkapalan Saudagar (Peraturan-Peraturan Perlanggaran) (Peraturan-Peraturan Pelayaran Menelusuri Selat Melaka dan Singapura) *Shipping (Collision Regulations) (Rules for Vessels Navigating through the Straits of Malacca and Singapore)* 1984 [PU (A) 439/1984].

Melalui TTEG, Ketiga-tiga Negara Pesisir telah mencapai persetujuan (*consensus*) bagi Garis Panduan Perkhidmatan Pemaliman Sukarela digunapakai dalam melaksanakan perkhidmatan pemaliman di Selat Melaka dan Singapura dan diterima pakai (*adopted*) semasa Mesyuarat TTEG ke-41 di Indonesia pada tahun 2016.

Mesyuarat juga bersetuju suatu dokumen iaitu Notis Pekeliling (SN) untuk tujuan pemberitahuan perlu dikemukakan kepada Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO) apabila semua Negara Pesisir telah bersedia untuk melaksanakan Perkhidmatan Pemaliman di Selat Melaka dan Singapura sebagai pemakluman kepada masyarakat perkapalan antarabangsa dan Malaysia sebagai salah sebuah Negara Pesisir hendaklah mengambil peluang ini dan memberi kelebihan kepada pelaut tempatan Malaysia khususnya.

Perkhidmatan Marine Advisor di Selat Melaka dan Singapura juga telah diluluskan dan digunapakai di IMO berdasarkan Resolusi IMO SN.1/Circ.338 bertarikh 24 April 2020.

Bersesuaian dengan slogan Jabatan Laut Malaysia iaitu *Safer Ships, Secure Ports and Cleaner Sea*, Perkhidmatan MA dapat meningkatkan tahap keselamatan pelayaran dalam perairan Malaysia.

JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM) RAI PENYERTAAN LEBIH RAMAI PROFESIONAL WANITA HADAPI INDUSTRI MARITIM LEBIH MENCABAR

14 Disember 2023 - Mohd Hafiz bin Abdul Majid, Pengarah Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran (BPTBP), Arumugam a/l V. S. Subramaniam, Pengarah Bahagian Operasi Maritim dan Kapt Nazri bin Abu Hassan, Pengarah Bahagian Keselamatan Pelayaran dan Komunikasi Maritim bersama - sama pegawai kanan JLM meraikan kehadiran Kapt Tahira binti Mohamad Zaki dan Kapt Nazlin binti Ibrahim, 2 orang pegawai wanita yang menyertai hampir 200 tenaga kerja profesional JLM baru - baru ini. Penyertaan pegawai wanita sebegini menyempurnakan JLM dari segi inovasi, kreativiti dan pertumbuhan mampan bagi menghadapi industri maritim yang lebih berkembang dan berdaya tahan.



JABATAN LAUT MALAYSIA TERAJUI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR EKOSISTEM INTERAKSI DIGITAL TRAFIK PENGANGKUTAN LAUT

14 Disember 2023 - Mohd Hisham bin Rubani, Timbalan Pengarah Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran (BPTBP) bersama pegawai - pegawai kanan BPTBP Wilayah Timur serta Bahagian Keselamatan Pelayaran dan Komunikasi Maritim (NAVCOM) menerima sokongan positif semasa *stakeholders engagement* bersama Markas Wilayah Laut 1 (MAWILLA 1), Tentera Laut DiRaja Malaysia, Kuantan, Pahang mengenai pembangunan sistem Perkhidmatan Trafik Vesel (VTS) di pantai timur Semenanjung Malaysia. VTS diiktiraf secara global sebagai kaedah terbaik menjamin keselamatan pelayaran secara memastikan keupayaan untuk berinteraksi dengan keadaan trafik kapal dan bertindak balas kepada perkembangan situasi trafik di kawasan VTS, sekaligus memangkin pelaburan dan memperbaiki tahap mudah cara perniagaan (*ease of doing business*) di pelabuhan Malaysia.

TAHUN MELAWAT PERLIS 2024 - 2025 (TMP 2024 - 2025) : KERAJAAN NEGERI GIAT NAIK TARAF LOKASI PELANCONGAN

16 Disember 2023 - Petugas Perkhidmatan Trafik Vesel bersama petugas Ketua Pejabat Laut Negeri Perlis yang lain giat kawal selia pergerakan feri penumpang dan RORO yang keluar masuk di Terminal Feri dan RORO Kuala Perlis dari Langkawi Bandaraya Pelancongan pada hari pertama cuti sekolah penggal kedua selama 2 minggu dari 16 Disember 2023 hingga 1 Januari 2024. Menjelang sambutan TMP 2024 - 2025, Kerajaan Negeri giat menyenggara dan menaik taraf tempat - tempat pelancongan dengan memberi keutamaan kepada aspek kebersihan menerusi Kempen Perlis Bersih Sihat.



SEMINAR PENGUATKUASAAN PERUNDANGAN MSO 1952 BAGI PENAMBAHBAIKAN PENYEDIAAN DOKUMEN KOMPAUN



17 Disember 2023 - Timbalan Ketua Pengarah Laut (Operasi), Kapten Abdul Samad Bin Shaik Osman telah menyertai Seminar Penguatkuasaan Perundangan MSO 1952 Bagi Penambahbaikan Penyediaan Dokumen Kompaun. Seminar yang dianjurkan Bahagian Operasi Maritim, Ibu Pejabat Laut ini telah diadakan di Langkawi pada 15 - 17 Dis 2023, yang turut dihadiri oleh wakil dua (2) Peguam Persekutuan Kementerian Pengangkutan Malaysia, 10 Timbalan Pendakwa Raya dari Bahagian Undang-Undang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan pegawai dari Jabatan Laut Malaysia. Seminar ini turut dihadiri oleh Tuan Arumugam VS Subramaniam, Pengarah BOM IPL dan Pengarah Bahagian Undang-Undang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Puan Naziah Binti Mokhtar @Sota.

Seminar ini membincangkan pelbagai isu perundangan di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952. Seminar ini telah dapat memberikan ruang bagi perkongsian dan pertukaran idea dan pendapat di antara Timbalan Pendakwa Raya, Peguam dan Pegawai Laut khususnya dalam mencapai persepakatan bagi penambahbaikan dokumen kompaun demi kepentingan bersama

JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM) BENTUK SEMULA BAKAT PEKERJAAN PELAUT MASA HADAPAN

19 Disember 2023 – YBrs. Kapten Abdul Samad bin Shaik Osman, Timbalan Ketua Pengarah Laut Malaysia (Operasi) bersama Encik Muhammad Shuhaimi bin Abd Rahman, Pengarah Laut Wilayah Utara beramah-mesra dengan sebahagian daripada 114 peserta kursus *Mate of Less than 500GT Domestic Voyages* (Terbuka) anjuran Koperasi Komuniti Kampung Kilim Langkawi Berhad dengan kerjasama Institut Latihan Maritim (ILM) – Akademi Penjana Ilmu Sdn. Bhd. di SK Kilim, Langkawi Bandaraya Pelancongan. Koperasi Komuniti Kampung Kilim Langkawi Berhad ini merupakan pengurus rasmi Kilim Geoforest Park dan JLM amat yakin pendidikan kemahiran maritim berkualiti sangat penting dalam memastikan bakat yang dihasilkan memenuhi keperluan kerja pelaut masa hadapan yang serba boleh dalam menyesuaikan diri dengan perubahan.




KEUPAYAAN TINGGI INDUSTRI SHIP BUILDING AND SHIPREPAIRING (SBSR) MALAYSIA TERBUKTI LAGI

19 Disember 2023 – YBrs Kapten Abdul Samad bin Shaik Osman, Timbalan Ketua Pengarah Laut Malaysia (Operasi) bersama Kapten Nazri bin Abu Hassan, Pengarah Bahagian Keselamatan Pelayaran dan Komunikasi Maritim, Mohd Helmi bin Zaharudin, Pengurus Besar *Malaysian Shipowners' Association* (MASA), Fuad bin Naemoon, Pengurus Kanan Marin dan VTMS, Lembaga Pelabuhan Johor serta pegawai – pegawai kanan JLM meninjau fasiliti Northern Shipyard Sdn Bhd yang mampu membina dan menyenggara kapal sehingga maksimum 38 meter. 90% warga kerja Northern Shipyard merupakan warganegara Malaysia yang mempunyai kepakaran khusus bagi kapal aluminium dan masakini sedang menyiapkan kapal tempur ke-5 dan ke-6 untuk kegunaan Tentera Laut Nigeria, sekaligus membuktikan keupayaan tinggi limbungan Malaysia membina kapal bagi tujuan eksport.



MALAYSIA GALAK PENERUSAN KERJASAMA ASEAN - JEPUN BAGI TINGKATKAN STANDARD KESELAMATAN SIBER

20 Disember 2023 – Petugas Perkhidmatan Trafik Vesel Ketua Pejabat Laut Langkawi mengawal selia pergerakan feri penumpang yang keluar masuk di Terminal Feri Kuah, Langkawi Bandaraya Pelancongan pada hari ke 4 cuti persekolahan penggal ke 2 hujung Disember 2023. Perkembangan lanskap digital dalam Perkhidmatan Trafik Vesel turut meningkatkan ancaman siber, justeru itu dengan mengiktiraf kepakaran Jepun dalam ruang siber-Malaysia menggalakkan penerusan kerjasama ASEAN-Jepun untuk meningkatkan lagi standard keselamatan siber di rantau Asia Tenggara dengan perkongsian amalan terbaik.



KAPAL SYARIKAT PERKAPALAN ISRAEL - ZIM SHIPPING DILARANG BERLABUH DI MANA - MANA PELABUHAN MALAYSIA


20 Disember 2023 – Pasukan petugas Perkhidmatan Trafik Vesel Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran (BPTBP) menggunakan teknologi digital pintar dengan pantas mampu mengesan mana-mana kapal yang mempunyai kaitan dengan syarikat perkapalan yang berpangkalan di Israel-ZIM Shipping yang belayar melalui Selat Melaka. Pada 20 Disember 2023, Kerajaan Malaysia memutuskan untuk menyekat atau tidak membenarkan kapal ZIM Shipping atau kapal yang menggunakan bendera Israel daripada berlabuh di mana-mana pelabuhan Malaysia. Mana-mana kapal yang sedang dalam perjalanan menuju ke Israel juga dilarang daripada memuatkan kargo dari mana-mana pelabuhan Malaysia.

LAWATAN KERJA DAN PERBINCANGAN BERKAITAN PEMBANGUNAN INDUSTRI KAPAL LAYAR JABATAN LAUT MALAYSIA DAN GRAND BANKS YACHTS SDN.BHD.

21 Disember 2023 - Jabatan Laut Malaysia telah mengadakan lawatan kerja ke *Grand Banks Yachts* Sdn.Bhd. limbungan kapal layar bertempat di Pasir Gudang, Johor yang diketuai oleh Encik Mohamad Halizam bin Samsuri, Pengarah Bahagian Pendaftaran Kapal (BPK). Turut hadir adalah pegawai kanan BPK, Encik Norfuad bin Reme dan Puan W.Norhayati binti W.Ibrahim, dua (2) orang wakil dari Bahagian Kawalan Industri Maritim (BKIM), Ibu Pejabat Laut, serta wakil pegawai dari Jabatan Laut Malaysia Wilayah Selatan.

Pertemuan bersama Encik Samuel Hank Compton III, Pengarah Urusan, *Grand Banks Yachts* dan pegawai-pegawai kanannya adalah bagi membincangkan isu-isu berkaitan perkembangan Pembangunan Industri Kapal Layar di Malaysia. Lawatan kerja ini antara lainnya adalah untuk menimba ilmu dan pengetahuan berkenaan dengan teknologi dan piawaian pembinaan kapal layar dan juga mendapatkan maklumbalas dan pandangan di samping bertukar-tukar fikiran dari pihak industri pembuatan kapal layar tentang isu-isu berkaitan.

Semoga lawatan kerja ini dapat merapatkan lagi hubungan dan kerjasama antara JLM dan pihak industri pembuatan kapal layar sebagai sokongan kerajaan dalam perkembangan industri ini di Malaysia.





COVID-19 : ORANG RAMAI DIGALAK PAKAI PELITUP MUKA DI DALAM PENGANGKUTAN AWAM LAUT, TREND DIJANGKA BERKURANGAN SELEPAS 1 BULAN

21 Disember 2023 – Tinjauan pasukan petugas Ketua Pejabat Laut Kuala Kedah mendapati penumpang feri dan RORO yang melalui Terminal Feri dan RORO Kuala Kedah mula memakai pelitup muka apabila pemakaiannya digalakkan dalam pengangkutan awam laut mulai 18 Disember 2023 (Isnin). Pada 20 Disember 2023 (Rabu), Dr Tan Seok Hong – Pakar Perubatan Kesihatan Awam Bahagian Kawalan Penyakit Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berkata kes COVID – 19 dijangka berkurangan selepas 1 bulan berdasarkan pemerhatian trend jangkitan virus oleh KKM.



TAHUN MELAWAT MELAKA 2024 (TMM2024) - ECO CRUISE SUNGAI LINGGI PERCUMA SEHINGGA 5 JANUARI 2024

22 Disember 2023 – Adam Ronny bin Rosly, Ketua Pejabat Laut Negeri Melaka mengiringi rombongan Datuk Seri Abd Rauf Yusoh, Ketua Menteri Melaka meninjau laluan Eco Cruise Sungai Linggi yang bermula di Jeti Paya Lebar sehingga ke Taman Lokan yang memakan masa kira – kira 3 jam untuk perjalanan pergi dan balik. Kesemua bot yang terlibat dengan aktiviti Eco Cruise Sungai Linggi ini merupakan bot penumpang yang diperiksa serta dilesen oleh JLM dan Jeti Paya Lebar menawarkan kawasan berkhemah atau *camper park* yang pertama di Negeri Melaka bagi pemilik karavan meletakkan kenderaan mereka.



SAMBUTAN HARI KRISMAS 2023 - ALIRAN TRAFIK PENUMPANG DAN BOT DI JETI MULAI SESAK

23 Disember 2023 - Pasukan petugas Ketua Pejabat Laut Negeri Selangor laksana pemeriksaan secara fizikal ke atas penumpang yang menggunakan bot berlesen dan berdaftar di jeti *Southpoint* untuk ke Pulau Ketam, Pelabuhan Kelang bagi mengesahkan tiada insiden penumpang melebihi had muatan bot yang diluluskan oleh JLM. Aliran trafik bot di jeti ini mulai sesak pagi ini berikutan pertambahan penumpang yang mengambil peluang bercuti sempena sambutan Hari Krismas.



TEKNOLOGI KALIS MASA HADAPAN BAGI EKOSISTEM DIGITAL YANG TERJAMIN SELAMAT - MALAYSIA BEBAS JALIN HUBUNGAN DENGAN MANA - MANA NEGARA

24 Disember 2023 - YBr Tuan Mohamad Halim bin Ahmed, Ketua Pengarah Laut Malaysia menerima kunjung hormat dari Oliver Väärtnõu, CEO Cybernetica, pembekal utama teknologi kalis masa hadapan *Voice Communication System* bagi projek VTSNet yang berpangkalan di Estonia. Cybernetica merupakan rakan strategik bagi MAMPU dalam menyediakan penyelesaian bagi cabaran kompleks persekitaran inovasi digital.



SAMBUTAN HARI KRISMAS 2023 - ALIRAN TRAFIK PENUMPANG DAN FERI LANCAR

25 Disember 2023 - Petugas Ketua Pejabat Laut Negeri Perak di Terminal Feri Lumut dan Terminal Feri Pangkor Pulau Bebas Cukai secara aktif mengawal selia aliran trafik penumpang dan feri di Terminal masing - masing bagi memastikan pergerakan terkawal sempena sambutan Hari Krismas 2023 hari ini. Orang ramai memanfaatkan cuti panjang sempena kedua - dua cuti persekolahan dan cuti umum perayaan Krismas untuk berjalan -jalan dan membawa keluarga beriadah ke pulau peranginan terkenal Negeri Perak ini.



MESYUARAT AHLI MAJLIS IALA YANG KE-79

21 Disember 2023 – Yang Berusaha Kapten Mohamad Halim bin Ahmed, Ketua Pengarah Laut, Jabatan Laut Malaysia telah menghadiri ke Mesyuarat Ke-79 Majlis IALA yang telah diadakan di Ibu Pejabat IALA di Saint-Germain-en-Laye dari 11 hingga 14 Disember 2023. Mesyuarat ini merupakan kembalinya perjumpaan secara fizikal yang signifikan selepas Covid-19 global dan persediaan awal bagi Persidangan IALA ke-20 di Brazil.

Ahli Majlis menyuarakan kepuasan mereka atas kembalinya mesyuarat bersemuka, menekankan kepentingan interaksi muka-muka dalam memperkukuhkan kerjasama dan memperkukuhkan ikatan dalam komuniti maritim. Satu topik penting dalam agenda adalah persediaan teliti untuk mencapai status Pertubuhan Antara Kerajaan (IGO), langkah penting untuk memastikan peralihan yang lancar dan berkesan bagi persatuan ini.

Perbincangan dalam mesyuarat tidak terhad kepada perkara pentadbiran semata-mata; majlis secara aktif terlibat dalam perbincangan mengenai hala tuju masa depan program kerja teknikal. Tumpuan diberikan kepada pemanfaatan kepakaran kolektif ahli-ahli IALA untuk mempromosikan harmonisasi yang lebih besar dalam industri maritim. Ahli Majlis, menyedari cabaran-cabaran berkembang dalam bidang ini, memberikan perhatian khusus untuk memantau kemajuan tugas dalam jawatankuasa teknikal, menegaskan komitmen mereka untuk kekal di barisan hadapan dalam kemajuan teknologi pelayaran marin dan mercu cahaya.

Kecekapan mesyuarat menjadi saksi kepada kekuatan tadbir urus dan kerjasama yang membentuk asas persatuan ini. Ahli Majlis meninggalkan Saint-Germain-en-Laye dengan semangat tujuan yang diperbaharui, yakin dalam kejayaan berterusan IALA sebagai penguasa global dalam mempromosikan navigasi marin yang selamat, cekap, dan lestari.



KEUTAMAAN JABATAN LAUT MALAYSIA (JLM) PADA 2024 ADALAH EKONOMI, EKONOMI DAN EKONOMI

25 Disember 2023 - Pasukan *Port State Control Officers* (PSCOs) JLM Wilayah Utara laksana pemeriksaan aspek keselamatan ke atas kapal Bulk Carrier CHS WORLD dan kapal General Cargo DAI TAY DUONG 25 - kapal berpendaftaran asing yang memasuki Had Pelabuhan Pulau Pinang untuk menurunkan kargo seterusnya menjana ekonomi Negara. Pada 23 Disember 2023, YAB Datuk Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia menegaskan bahawa fokus keutamaan Kerajaan pada tahun 2024 adalah mengukuhkan kekuatan ekonomi Negara sama ada pelaburan domestik mahupun pelaburan luar. Ia sangat berkaitan dengan fungsi JLM dalam tatakelola, kecepatan pengurusan dan mengurangkan karenah birokrasi, selain mahu menumpukan kepada Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) pelaut serta penguasaan dalam bidang teknologi kecerdasan buatan (AI).



JABATAN LAUT MALAYSIA SAMBUT BAIK PERJANJIAN TAMBAHAN KETIGA PENSWASTAAN PELABUHAN BARAT, PELABUHAN KLANG - WUJUD 6 RIBU PELUANG PEKERJAAN SEPENUH MASA

26 Disember 2023 - Petugas teknikal Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran (BPTBP) JLM dengan segera memeriksa dan menyenggara pelampung suar di Had Pelabuhan Klang sebaik sahaja menerima isyarat elektronik dari alat bantuan pelayaran tersebut bahawa tahap ketersediaannya menurun lebih rendah dari 99% bagi memastikan keselamatan pelayaran kapal masuk dan keluar dari Transshipment Hub terkemuka Rantau Asia tersebut sama sekali tidak terjejas. JLM sambut baik perjanjian tambahan ketiga penswastan Pelabuhan Barat di Pelabuhan Klang yang bakal menyediakan kemudahan pelabuhan tambahan bagi menampung 13 juta TEUs dengan impak ekonomi RM 55 billion dan mewujudkan 6 ribu peluang pekerjaan sepenuh masa sebagai salah satu keutamaan dalam meningkatkan ekonomi Negara.



PERSIAPAN MENGUASAI ILMU BAHARU KECERDASAN BUATAN, PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI DIGITAL - MALAYSIA BEBAS JALIN HUBUNGAN DENGAN MANA - MANA NEGARA

27 Disember 2023 - Mohd Iqram bin Mohd Kamro dan Ahmad Nazreen bin Ayub, masing - masing dari Bahagian Pengurusan Trafik dan Bantuan Pelayaran (BPTBP) Wilayah Tengah dan Wilayah Selatan mempelajari aspek terkini nautika, teknikal dan operasi serta pengurusan Alat Bantuan Pelayaran ketika mengikuti kursus IALA Level 1.1 AtoN Manager anjuran *Marine Navigation Training Institute (MNTI)* dan *Directorate General of Lighthouses and Lightships (DGLL)*, Kolkata, India selama 4 minggu. Jabatan Laut Malaysia (JLM) terus mempersiapkan barisan pegawainya menguasai ilmu baharu seperti kecerdasan buatan, peralihan tenaga dan transformasi digital bagi melahirkan pegawai yang tidak hanya pintar tetapi mesti ada jiwa dan nurani untuk membangunkan ekonomi Negara.

PERAK SEJAHTERA 2030 - KESATUAN EROPAH LULUS GERAN RM 9.5 JUTA KAJI SEKTOR PELABUHAN DAN MARITIM NEGERI PERAK

27 Disember 2023 - Mhd Ashraf bin Mhd Radzi mengetuai pasukan *Port State Control Officers (PSCOs)* Ketua Pejabat Laut Negeri Perak laksana pemeriksaan aspek keselamatan ke atas kapal Ore Carrier - PACIFIC AUSPICE berpendaftaran luar yang memunggah kargo di Teluk Rubiah Maritime Terminal (TRMT), dalam Had Pelabuhan Lumut, Perak. Pada 11 Disember 2023 awal bulan ini, potensi pembangunan ekonomi Negeri Perak telah menarik perhatian Kesatuan Eropah (EU) untuk meluluskan geran bernilai RM 9.5 juta bagi kajian dalam sektor pelabuhan dan maritim kepada Port of Antwerp-Bruges International (PoABI) dan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk) bagi menggerakkan pertumbuhan ekonomi negeri Perak ke tahap tertinggi.



KETUA PENGARAH LAUT MALAYSIA BERSAMA KESEMUA BARISAN PENGARAH DAN PEGAWAI KANAN JLM MILIKI DIGITAL ID

28 Disember 2023 – YBrs. Kapten Mohamad Halim bin Ahmed, Ketua Pengarah Laut Malaysia bersama-sama barisan Pengarah dan Pegawai Kanan JLM mendaftar diri dengan Identiti Digital Nasional atau Digital ID semasa Mesyuarat Pengurusan Tertinggi di Ibu Pejabat Laut Malaysia. Digital ID merupakan satu bentuk pengenalan dan pengesahan diri individu secara digital yang bakal dimanfaatkan sektor awam dan swasta untuk mengesahkan identiti pengguna semasa melakukan transaksi secara dalam talian.



PM THAILAND KOMITED PERKUKUH KERJASAMA PELANCONGAN THAILAND - MALAYSIA

28 Disember 2023 – Pasukan petugas Ketua Pejabat Laut Langkawi Bandaraya Pelancongan dan Ketua Pejabat Laut Negeri Perlis kawal selia penumpang yang menggunakan kemudahan Terminal Feri Langkawi dan Terminal Feri dan RORO Kuala Perlis semasa musim cuti sekolah akhir Disember 2023. Pulau Langkawi dan Negeri Perlis merupakan destinasi pelancongan terkemuka di Utara Semenanjung Malaysia, Perdana Menteri Thailand Srettha Thavisin berkata Thailand komited untuk memperkukuhkan kerjasama pelancongan terutama di selatan Thailand - utara Malaysia untuk memacu kemakmuran bersama kedua-dua Negara.

Nasihat Umum: Amalan Kesihatan dan Keselamatan Diri Semasa Banjir



COVID-19

COVID-19 akan kekal berada dengan kita. Walau bagaimanapun, kita boleh mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan risiko jangkitan dan risiko mendapat komplikasi teruk sekiranya dijangkiti. **Lima (5) tindakan utama yang boleh dilakukan** adalah:

- 1) Pemakaian pelitup muka mengikut saranan semasa KKM.
- 2) Melakukan ujian COVID-19 sekiranya bergejala.
- 3) Melakukan pengasingan sendiri atau menjalani HSO jika positif COVID-19.
- 4) Mendapatkan rawatan awal dan ubat antiviral Paxlovid bagi golongan berisiko tinggi yang layak.
- 5) Digalakkan mengambil vaksin COVID-19 bagi golongan berisiko tinggi.

VIRUS COVID-19 KEKAL BERADA DI SEKELILING KITA

AMALKAN 3W

- Wash (Cuci)**
Kerap cuci tangan dengan menggunakan air dan sabun atau gunakan pensanitasi tangan
- Wear (pakai)**
Pakai pelitup muka dengan betul di tempat ramai dan sesak
- Warn (Amaran)**
Lakukan TRIIS jika bergejala

ELAKKAN 3S

- Kawasan yang sesak**
- Sempit**
- Sembang dengan jarak yang dekat**

UKK KKM Agensi Nasional Pengurusan Sekolah **MALAYSIA MADANI**

SIJIL DIGITAL HOME SURVEILLANCE ORDER (HSO)

- ✓ Semua majikan diseru agar menerima pakai sijil digital HSO. Sijil digital HSO adalah sah laku di bawah Akta 342.
- ✓ Individu yang diberi digital HSO perlu melakukan tangkap layar paparan skrin (screenshot) untuk makluman pihak majikan.

Home Surveillance Order (Hso)

Dikemas kini, 20 Disember 2023

UKK KKM Agensi Nasional Pengurusan Sekolah **MALAYSIA MADANI**

SENTIASA PAKAI PELITUP MUKA DENGAN BETUL

JANGAN PAKAI PELITUP MUKA ANDA:

- Di atas dahi
- Di sekeliling leher
- Di bawah hidung
- Di atas dagu
- Hanya pada hidung
- Diletakkan pada lengan
- Diletakkan pada sebelah telinga

UKK KKM Agensi Nasional Pengurusan Sekolah **MALAYSIA MADANI**

PEMAKAIAN PELITUP MUKA AMATLAH DIGALAKKAN

Bantu kurangkan risiko penularan COVID-19

- Risiko penyebaran TINGGI**
Pembawa COVID-19 (Tanpa pelitup muka) / Individu sihat (Tanpa pelitup muka)
- Risiko penyebaran SEDERHANA TINGGI**
Pembawa COVID-19 (Tanpa pelitup muka) / Individu sihat (Dengan pelitup muka)
- Risiko penyebaran RENDAH**
Pembawa COVID-19 (Dengan pelitup muka) / Individu sihat (Tanpa pelitup muka)
- Risiko penyebaran SANGAT RENDAH**
Pembawa COVID-19 (Dengan pelitup muka) / Individu sihat (Dengan pelitup muka)

UKK KKM Agensi Nasional Pengurusan Sekolah **MALAYSIA MADANI**



PENGENALAN

Pangkalan Data Utama (PADU), mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia. Maklumat profil ini akan diperolehi melalui pengintegrasian data pentadbiran daripada pelbagai sumber.

OBJEKTIF PADU

- Penyediaan pangkalan data utama negara yang selamat, komprehensif dan “**near real time**” bagi digitalisasi dan penghasilan analitik berkala.
- Penggubalan dasar dan proses membuat keputusan berpacuan data.
- Membolehkan pelaksanaan dasar secara bersasar bagi mengimbangi kedudukan fiskal.

MATLAMAT PADU

- Meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan.
- Mengoptimumkan penggunaan sumber yang terhad.
- Memperkasa sistem sosial melalui peningkatan kesejahteraan ekonomi dan rakyat.
- Merapatkan jurang sosioekonomi dengan mengimbangi keperluan rakyat.

Pendaftaran dan pengemaskinian maklumat individu dalam Sistem PADU akan bermula pada

2 Januari 2024

Untuk maklumat lanjut :
<https://www.ekonomi.gov.my/ms/padu>



Chocolate Chips Muffin



BAHAN - BAHAN:

Bahan-bahan Muffin:

- 1 cawan /250ml susu segar atau *full cream*
- 2 sudu besar jus lemon/cuka
- 3/4 cawan/ 170g gula kastor
(*tambah lagi 55g untuk yang suka manis)
- 1/2 cawan/120g minyak jagung
- 2 biji telur (saiz A atau B)
- 1 sudu kecil esen vanila
- 2 cawan/250g tepung gandum
- 1/2 cawan/50g serbuk koko
- 1 1/2 sudu kecil *baking soda*
- 1/2 sudu kecil *baking powder*
- 1/4 sudu kecil garam
- 1 cawan/170g coklat cip (untuk adunan)
- 1 cawan/170g coklat cip (untuk hiasan)

TIPS:

- Jangan terlebih kacau adunan takut muffin keras. Protein dalam tepung akan menghasilkan gluten punca adunan kental dan keras. Air pocket pon akan jadi lebih besar.
- Boleh *scoop* masuk adunan kedalam cawan kertas guna *ice cream scoop* untuk lebih senang.
- Boleh isi adunan sampai hampir penuh, jadi bila masak nanti muffin akan kembang naik atas.
- Kalau oven kecil boleh kurangkan suhu, kalau oven boleh boleh naikkan sikit suhu.
- Cucuk muffin dengan lidi, kalau lidi keluar kering dan basah sikit dekat hujung kira dah masak. Jangan terlebih bakar takut muffin kering dan tak sedap.

CARA PENYEDIAAN:

Cara-cara untuk bahan basah

- Ayak tepung gandum, serbuk koko, *baking soda*, *baking powder* dan garam halus.
- Masukkan adunan basah dalam adunan kering dan kacau sebati (jangan terlebih kacau takut muffin keras).
- Masukkan cip coklat dan kacau sekata.
- Susun cawan kertas dalam acuan / loyang.
- Sudu masuk adunan kedalam cawan kertas. Masukkan anggaran $\frac{3}{4}$ penuh cawan kertas.
- Tabur coklat cip atas muffin.
- Bakar pada 170°C, masa anggaran 15-20 minit (bergantung pada oven masing-masing).
- Bila muffin dah nampak agak masak dan naik kembang boleh keluarkan muffin.
- Cucuk muffin dengan lidi, kalau lidi keluar kering dan basah sikit dekat hujung kira dah masak. Jangan terlebih bakar takut muffin kering dan tak sedap.

Sumber : Resepi Che Nom

EDITORIAL BULETIN JABATAN LAUT MALAYSIA



Mohammad Hisham Bin Ali
Ketua Editor



Kapten Mohamad Halim Bin Ahmed
Penasihat

EDITOR- EDITOR



**Reeta a/p
Francis**



**Mohamad Najdi Naim
Bin Mohd Tarmizi**



**Azham Bin Abd
Razak**



**Sharifah Taherah Bt
Shabbir Ahmad**



**Siti Norparlila Bt
Sidek**



**Asrul Hafandi
Bin Awang Haji**

Diterbitkan oleh:

UNIT KORPORAT

Ibu Pejabat Laut, Jabatan Laut Malaysia

Peti Surat 12, Jalan Limbungan,
42007 Pelabuhan Klang,
Selangor Darul Ehsan.

korporat@marine.gov.my